



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM/87/P2-1/100-10 31d.2 (20)
Tarikh : 12 Mac 2010

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur
Semua Pengarah Institut Kesihatan

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL.
2/2010**

- GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR
(LOKUM) DI SEKTOR SWASTA OLEH PEGAWAI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Lokum merupakan salah satu insentif dalam pakej mengekalkan pegawai dan pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan dan seterusnya dapat memantapkan lagi perkhidmatan perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memantapkan lagi dan menjelaskan tatacara mengenai pelaksanaan pekerjaan luar (lokum) bagi pegawai dan pakar perubatan di luar waktu bekerja rasmi. Selain dari itu ia juga adalah untuk memastikan lokum tidak menjelaskan perkhidmatan di KKM dan pegawai tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan serta mengekalkan integriti sebagai penjawat awam.

3. PENJELASAN GARIS PANDUAN

- 3.1. Penjelasan terperinci mengenai tatacara pelaksanaan lokum diuraikan dengan lengkap dalam Garis Panduan yang dilampirkan (Lampiran I).
- 3.2 Skop garis panduan ini merangkumi aspek-aspek seperti latar belakang, peraturan kerajaan dan akta perubatan, prinsip umum dan tatacara pelaksanaan lokum, had batasan, proses permohonan, tanggungjawab pegawai, tanggungjawab ketua jabatan, tindakan yang boleh diambil bersabit dengan penyalahgunaan lokum, tarikh pelaksanaan dan sebagainya.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan dan dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 5 Tahun 2006.
- 4.2 Semua Pengarah Bahagian, Pengarah Institusi dan Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab memaklumkan surat pekeliling ini kepada pegawai perubatan di jabatan masing-masing termasuklah hospital, pejabat kesihatan daerah, klinik kesihatan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yg. Ismail

(Signature)

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k - Ketua Setiausaha

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan

Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)

Setiusaha Majlis Perubatan Malaysia

**GARISPANDUAN PELAKSANAAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM) DI
SEKTOR SWASTA OLEH PEGAWAI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

1. TUJUAN

Memantapkan penjelasan mengenai tatacara perlaksanaan pekerjaan luar (lokum) oleh pegawai dan pakar perubatan di luar waktu bekerja rasmi bagi memastikan lokum tidak menjelaskan perkhidmatan di KKM dan pegawai tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan serta mengekalkan integriti mereka sebagai penjawat awam.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Lokum merupakan salah satu insentif dalam pakej mengekalkan pegawai dan pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 1 Mac 2006 telah membenarkan pegawai perubatan KKM melakukan lokum. Susulan dari itu, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 5 Tahun 2006 mengenai tatacara pelaksanaan melakukan lokum selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan Akta Perubatan 1971 telah dikeluarkan.
- 2.2 Selain dari pelaksanaan lokum di sektor swasta, pegawai perubatan dan pakar perubatan KKM dibenarkan membuat lokum di fasiliti KKM sendiri menerusi Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bilangan 7 / 2007 – Perlaksanaan Perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) Di Jabatan Kecemasan.
- 2.3 Di samping itu, pegawai perubatan dan pakar perubatan sektor swasta pula dibolehkan melakukan lokum di fasiliti KKM menerusi Surat Pekeliling Ketua

Pengarah Kesihatan Bilangan 11 / 2008 – Panduan bagi Penggunaan Khidmat Doktor Swasta untuk Perkhidmatan Kesihatan di Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital dan Klinik Kesihatan) dengan Kadar Baru RM 80 Sejam.

- 2.4 Adalah ditegaskan dalam konteks garis panduan ini, penjelasan yang diberikan adalah khusus berkaitan dengan pekerjaan lokum oleh pegawai perubatan KKM di sektor swasta.

3. PERATURAN KERAJAAN DAN AKTA PERUBATAN YANG BERKAITAN DENGAN PELAKSANAAN LOKUM

3.1 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

- 3.1.1 Seseorang pegawai boleh menjalankan pekerjaan luar setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.

3.2 Akta Perubatan 1971

- 3.2.1 Setiap pengamal perubatan berdaftar diwajibkan memohon dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi menambah alamat bertugas semasa membuat lokum dalam sijil amalan tahunan masing-masing.

- 3.2.2 Pengamal perubatan yang masih berdaftar di bawah seksyen 16 atau 14 (3) Akta Perubatan 1971 (biasanya warganegara asing atau pemastautin tetap yang dilantik untuk berkhidmat dengan KKM secara kontrak) tidak boleh mengamal di tempat selain yang ditetapkan di dalam sijil pendaftaran. Pada tahap ini [selagi pengamal perubatan masih berdaftar di bawah seksyen 16 atau 14 (3)] pihak majikan sedia ada tidak boleh membenarkan mereka membuat lokum. Sebaik sahaja

kontrak dengan KKM tamat, iaitu sebaik sahaja pendaftaran tempat amalan dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ditamatkan, mereka layak membuat lokum tertakluk kepada kelulusan dari pihak majikan yang baru.

3.3 Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)

3.3.1 Pegawai perubatan dan pakar perubatan yang berdaftar secara sah dengan MPM, hanya dibenarkan membuat lokum di premis swasta yang berdaftar iaitu premis yang mendapat lesen dari kerajaan.

3.3.2 Klausa 31 (1) (c) pada Bahagian VI, Akta 586 ini mewajibkan setiap Pemegang Lesen memastikan bahawa orang yang diambil kerja atau diguna khidmat mempunyai kelayakan dan pengalaman sebagaimana yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

3.4 Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U.(A) 137/2006]

3.4.1 Keperluan pendaftaran bagi pegawai perubatan dan pakar perubatan diperlukan sejajar dengan Perkara 9 (1) Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006 (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta).

3.5 *Code Of Professional Conduct* Yang Disediakan Oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

3.5.1 Pengamal perubatan diwajibkan mematuhi *Code of Professional Conduct* yang dikeluarkan oleh MPM khususnya terhadap Perkara 4.3: *Professional Calling Cards* dan Perkara 4.5: *Name Plates / Doorplates* seperti berikut:

- i. Pengamal perubatan dibenarkan membawa satu set *Calling Cards* untuk fasiliti KKM dan fasiliti swasta, namun seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Iklan Ubat (LIU), kad ini tidak boleh digunakan sebagai risalah pengiklanan diri. Informasi yang dibenarkan dalam kad ini ialah nama pengamal, pendaftaran perubatan, alamat bertugas dan nombor telefon;
- ii. Pengamal perubatan dibenarkan mempamerkan nama pada *Doorplates / Name Plates* di kemudahan swasta, namun seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Iklan Ubat (LIU), ianya tidak boleh digunakan sebagai risalah pengiklanan diri, memadai dengan menyatakan tarikh dan masa bertugas.

3.6 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Perlantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*)

3.6.1 Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Kontrak Warganegara Malaysia dan Permastautin Tetap terikat dengan Perjanjian Kontrak khususnya Fasa 5 (iv) iaitu tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak, mengambil bahagian atau bekerja dalam apa-apa jua perkhidmatan pun atau urusan yang lain, ataupun menerima komisyen

atau bayaran tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari kerajaan.

- 3.6.2 Pegawai perubatan kontrak warganegara asing tidak dibenarkan membuat lokum.

4. PRINSIP UMUM DAN TATACARA PELAKSANAAN LOKUM

4.1 Perkara-Perkara Yang Dibolehkan

4.1.1 Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia lantikan tetap dibenarkan membuat lokum setelah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu tahun selepas memiliki sijil pendaftaran penuh dari Majlis Perubatan Malaysia.

4.1.2 Lokum hanya boleh dijalankan selepas waktu pejabat, pada hari kelepasan am, cuti hujung minggu, cuti tahunan atau semasa cuti belajar.

4.1.3 Premis swasta bertanggungjawab untuk membuat penjagaan susulan terhadap perawatan pesakit selepas prosedur atau pembedahan (*post-operative care*) yang dilakukan oleh pegawai lokum;

4.1.4 Pegawai bertanggungjawab penuh ke atas dirinya semasa menjalankan lokum dan tidak akan membabitkan kerajaan misalnya apabila timbul kes-kes *medico-legal* semasa menjalankan lokum di premis swasta.

4.2 Had dan Batasan Dalam Pelaksanaan Lokum

4.2.1 Pegawai yang tidak dibenarkan menjalankan lokum :

- i. Pegawai Perubatan Siswazah;
- ii. Pegawai Perubatan warganegara asing; dan
- iii. Pegawai Perubatan yang bertugas dalam bidang penguatkuasaan seperti di bawah Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), KKM dan sebagainya.

4.2.2 Lokum tidak boleh diamalkan di hospital / klinik di mana pegawai mempunyai kepentingan diri yang boleh menjelaskan kepentingan dan integriti perkhidmatan awam seperti memiliki syer di premis berkenaan;

4.2.3 Tidak mengiklan / memberi kad yang menyatakan melakukan lokum di hospital / klinik swasta dengan tujuan untuk memendekkan masa menunggu di perkhidmatan kerajaan;

5. PROSES PERMOHONAN DAN KELULUSAN

- 5.1 Kelulusan melakukan lokum perlu diperolehi dari Ketua Jabatan dengan mengisi borang permohonan seperti di Lampiran II dan dikemukakan melalui Ketua Unit.**
- 5.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan melalui Ketua Unit kepada pegawai yang memohon. Kelulusan boleh ditamatkan oleh Ketua Jabatan pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab.**
- 5.3 Permohonan baru hendaklah dibuat semula jika ada tambahan hospital / klinik selain senarai yang telah diluluskan.**

5.4 Atas keperluan, kepentingan perkhidmatan dan integriti KKM, Ketua Pengarah Kesihatan selaku Ketua Perkhidmatan, boleh membuat keputusan melulus atau menolak sesuatu permohonan bagi kes-kes tertentu.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

6.1 Setiap pegawai yang menjalankan lokum hendaklah memastikan syarat-syarat yang dinyatakan dalam garispanduan ini dipatuhi.

7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

7.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:-

- 7.1.1 Memantau dan menyimpan data-data pegawai yang terlibat dalam perlaksanaan lokum termasuk memastikan cuti tahunan dinyatakan tujuan untuk membuat lokum jika ianya berkaitan;
- 7.1.2 Menentukan keistimewaan ini tidak disalahgunakan dan bekerjasama dengan Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), KKM dalam pemantauan.

8. TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL BERSABIT DENGAN PENYALAHGUNAAN PELAKSANAAN LOKUM

Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan terhadap pegawai yang melaksanakan lokum atau premis swasta yang menggaji mereka apabila berlaku penyalahgunaan lokum, iaitu:

8.1 Tindakan Terhadap Individu Sebagai Penjawat Awam

Penjawat awam boleh diambil tindakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993, Fasa 5 (2).

8.2 Tindakan Terhadap Individu Sebagai Pengamal Perubatan

Sebagai pengamal perubatan, tindakan boleh diambil jika sabit kesalahan dan melanggari peraturan Akta Perubatan 1971 (Akta 50 dan peraturan) klausula 30 (i), (ii), (iii), (iv).

- i. Nama orang berdaftar itu dipotong dari Daftar; atau
- ii. Nama orang berdaftar itu digantung daripada Daftar selama sesuatu tempoh yang difikirkannya patut; atau
- iii. Memerintahkan supaya orang berdaftar itu dicela; atau
- iv. Membuat sesuatu perintah yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu atau beberapa tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak lebih daripada dua tahun.

8.3 Tindakan Terhadap Premis Swasta Yang Menggaji

Premis swasta yang menggaji juga boleh diambil tindakan berdasarkan Bahagian VIII Seksyen 43, 44 dan 45, Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), termasuklah penggantungan dan

pembatalan kelulusan lesen serta penggantungan dan pembatalan pendaftaran.

9. TARIKH PELAKSANAAN

Surat pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan dan dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 5 Tahun 2006.

10. PERTANYAAN DAN MAKLUM BALAS

Pertanyaan atau maklumbalas penambahbaikan berhubung pekeliling ini bolehlah dirujuk kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Telefon : 03-88831046
Fax : 03-88831427

Lampiran II

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM)

Tarikh: _____

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PEGAWAI PERUBATAN/PAKAR PERUBATAN

Saya..... No. Kad Pengenalan:
tempat bertugas:.....
No. Pendaftaran Penuh:..... No. Amalan Tahunan:.....

Memohon kebenaran dan kelulusan untuk membuat lokum di hospital/klinik seperti di bawah:

1.
2.
3.

Saya berjanji akan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya berjanji akan mengutamakan perkhidmatan dan intergriti sektor awam serta bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa khasnya di waktu kecemasan. Saya faham Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati bercanggah dengan peraturan sedia ada seperti melakukan lokum di waktu bekerja rasmi, mestilah mengambil cuti tahunan jika lokum dijalankan di waktu bekerja rasmi dan sebagainya.

(Tandatangan Pemohon)

Permohonan disokong/tidak disokong

(Tandatangan Ketua Unit)

Cop Rasmi Jabatan
Tarikh:

KEPUTUSAN

Permohonan diluluskan/tidak diluluskan

Berikut adalah tempat amalan yang telah diluluskan

1.
2.
3.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Cop Rasmi Jabatan

Tarikh:

(catatan: sila serahkan sesalinan borang ini kepada pemohon setelah mendapat keputusan)